Bil. (7)dlm.PTGS/CR01/00/2000 Jld.8

# PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR BILANGAN 1 TAHUN 2015

==================================================

# PELANJUTAN TEMPOH PROGRAM PEMUTIHAN KILANG TANPA KEBENARAN DI NEGERI SELANGOR

--------------------------------------------------

## 1. TUJUAN

1.1 Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada Pentadbir Tanah Daerah (PTD), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi kerajaan yang terlibat dengan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran (PPKTK) Di Negeri Selangor berhubung Pelanjutan Tempoh PPKTK di Negeri Selangor selaras dengan keputusan **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 8/2015** pada **25 Februari 2015** yang telah disahkan oleh **MMKN ke 9/2015** pada **4 Mac 2015.**

## 2. LATAR BELAKANG

2.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dalam MMK. No 72/13/2006 pada 26 Jun 2006 telah meluluskan kertas cadangan mengenai PPKTK di Negeri Selangor dan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil. 6/2006 berkaitan pelaksanaan PPKTK di Negeri Selangor telah dikeluarkan oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan berkuat kuasa pada 31 Julai 2006.

2.2 PPKTK di Negeri Selangor ini dijangka selesai sepenuhnya pada 31 Disember 2007. Namun begitu, peluang dan insentif ransangan yang ditawarkan tidak mendapat sambutan sewajarnya daripada pemilik tanah dan pengusaha kilang yang terlibat.

2.3 Berdasarkan keputusan-keputusan MMKN yang lalu, Pihak Berkuasa Negeri telah melanjutkan tempoh PPKTK di Negeri Selangor sebanyak lima (5) kali bagi membolehkan lebih ramai pemilik tanah atau pengusaha kilang mengambil peluang melalui insentif-insentif yang ditawarkan.

2.4 Pelanjutan tempoh PPKTK di Negeri Selangor untuk kali yang ke – 5 telah tamat pada 31 Disember 2014.

2.5 Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Penyelesaian Kilang Haram Negeri Selangor Bil. 1/2015 yang diadakan pada 31 Januari 2015 telah bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan oleh Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor (PTGS) berkenaan dengan lanjutan tempoh PPKTK di Negeri Selangor bagi memberi peluang terakhir kepada peserta-peserta PPKTK mengemukakan permohonan tukar syarat tanah dan Kebenaran Merancang serta Pelan Bangunan kepada PTD dan PBT terlibat.

2.6 Pada 4 Mac 2015 **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 8/2015** pada **25 Februari 2015** yang telah disahkan pada **MMKN ke 9/2015** pada **4 Mac 2015** telah menimbangkan dan meluluskan cadangan pelanjutan PPKTK di Negeri Selangor sehingga 31 Disember 2015.

## 3. KAEDAH PELAKSANAAN

3.1 Bermula 1 Januari 2015, PTGS, PTD dan PBT akan menghebahkan pelanjutan tempoh PPKTK di Negeri Selangor ke tarikh 31 Disember 2015 melalui kaedah berikut:

i. Hebahan papan iklan (biasa/elektronik);
ii. Hebahan banner di tempat-tempat strategik;
iii. Hebahan melalui laman sesawang Jabatan; serta
iv. Hebahan melalui surat khabar (Bahasa Cina dan Bahasa English).

3.2 Surat Peringatan perlu dikeluarkan oleh PTD dan PBT masing-masing, dengan memberi peringatan pelanjutan tempoh PPKTK serta juga memberi peringatan terhadap jenis-jenis kesalahan yang telah dilakukan oleh pengusaha kilang dan pemilik tanah terbabit berdasarkan kepada Kanun Tanah Negara 1965, Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 dan Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974. Contoh surat peringatan seperti **di Lampiran A**.

3.3 Surat Peringatan ini perlu dikeluarkan oleh PTD dan PBT kepada peserta PPKTK sebanyak dua kali (2) iaitu:

i. Surat Peringatan Pertama: sebelum 31 Mei 2015;
ii. Surat Peringatan Terakhir : sebelum 30 Oktober 2015.

3.4 Surat Peringatan tersebut hendaklah disalinkan kepada agensi-agensi Kerajaan yang akan terlibat dalam proses penguatkuasaan iaitu:

i. Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD);
ii. Jabatan Alam Sekitar (JAS);
iii. Tenaga Nasional Berhad (TNB);
iv. Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS);
v. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) – jika berkenaan;
vi. Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) – jika berkenaan.
vii. Selangor State Investment Centre (SSIC).
viii. Kastam Diraja Malaysia.
ix. Jabatan Hutan Negeri Selangor (Jika Perlu).

3.5 Selepas berakhirnya tempoh pelanjutan PPKTK di Negeri Selangor pada 31 Disember 2015, PTD dan PBT hendaklah **tidak memperbaharui sebarang permohonan permit dan lesen** kepada peserta PPKTK.

**tidak memperbaharui sebarang permohonan permit dan lesen** kepada peserta PPKTK.

3.6 Dengan berakhirnya PPKTK ini, peserta PPKTK iaitu pemilik tanah dan pengusaha kilang yang tidak memohon atau tidak menyelesaikan keperluan kelulusan yang disyaratkan adalah tertakluk kepada tindakan-tindakan penguatkuasaan seperti mana yang digariskan dalam Kanun Tanah Negara 1965, Akta Perancang Bandar dan Desa 1976, dan Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974.

## 4. PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA

4.1 Pelaksanaan arahan dalam pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.

**(DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA)**
D.P.M.S, B.C.M, B.K.T, PJK
Pengarah Tanah dan Galian Selangor.
Bertarikh: 28. Mei 2015

LAMPIRAN A

'KEJUJURAN DAN KETEKUNAN'

Bil(     )dlm.PTGS/PK74/00/2013
Jamadilakhir 1436H
April 2015

Kepada

**Pemilik tanah / pengusaha kilang**

Tuan,

**PROGRAM PEMUTIHAN KILANG TANPA KEBENARAN**
**- Permohonan Tukar Syarat Tanah Daripada Pertanian Kepada Industri.**

Adalah saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, pihak tuan telah diberi peluang untuk memohon tukar syarat tanah di bawah **Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran**. Berdasarkan rekod pejabat ini tuan telah menjalankan aktiviti kilang tanpa kebenaran di atas tanah yang berstatuskan tanah pertanian. Maklumat tanah adalah seperti berikut:

| | | | |
|---|---|---|---|
| i. Lot | : | iii. Mukim | : |
| ii. No. Hakmilik | : | iv. Daerah | : |

3. Oleh yang demikian, pihak tuan didapati telah melanggar syarat kegunaan tanah sebagaimana yang diperuntukkan **dibawah Seksyen 115 Kanun Tanah Negara 1965**. Sebelum pejabat ini mengambil sebarang tindakan **di bawah Seksyen 127 Kanun Tanah Negara 1965**, tuan dikehendaki membuat permohonan tukar syarat tanah daripada pertanian kepada industri dalam tempoh **tiga (3) bulan** bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan diambil oleh pentadbiran ini sebagaimana diperuntukkan oleh Kanun Tanah Negara.

4. Kerjasama tuan dalam perkara ini amat dikehendaki bagi mengelak sebarang kesulitan.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

(-----------------------------------)
b/p Pentadbir Tanah Daerah ..................

*sertakan salinan carian rasmi bersama surat ini.

**CONTOH**

**KATEGORI A**

(    ) dlm. MPK/PPB 800-2/8/15

**ENCIK CHAN CHAK MUN**
**ENCIK YAP KHOON FOONG**
NO. 96-T, JALAN CIKU,
DI PERSIARAN RAJA MUDA MUSA,
41100 KLANG,
**SELANGOR DARUL EHSAN**
*(Pemilik Tanah)*

**ENCIK CHAN CHAK MUN**
**ENCIK YAP KHOON FOONG**
NO. 96-T, JALAN CIKU,
DI PERSIARAN RAJA MUDA MUSA,
41100 KLANG,
**SELANGOR DARUL EHSAN**
*(Orang Yang Menjalankan Pemajuan)*

# SURAT PERINGATAN

Tuan,

**ARAHAN UNTUK MENGEMUKAKAN KEBENARAN MERANCANG BAGI PEMAJUAN INDUSTRI YANG SEDANG/TELAH DIJALANKAN TANPA KEBENARAN MERANCANG DI ATAS LOT 1532, BATU 2, JALAN BATU TIGA LAMA, 41300 KLANG, MUKIM KAPAR, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN**

Dengan hormatnya, saya ingin merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan, tanah/premis di atas **Lot 1532, Batu 2, Jalan Batu Tiga Lama, 41300 Klang, Selangor Darul Ehsan** adalah terletak di dalam kawasan Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan, Majlis Perbandaran Klang dan seterusnya tertakluk kepada segala peruntukan undang-undang yang terpakai oleh Majlis. Premis tuan adalah termasuk dalam **Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor,** dalam **Kategori A** (berada dalam zon perindustrian) dengan No. Rujukan **MPK / KTK / KU 01 / A / T / 001.**

..... / 2

**NOTIS UNTUK MENGEMUKAKAN KEBENARAN MERANCANG BAGI PEMAJUAN INDUSTRI YANG SEDANG/TELAH DIJALANKAN TANPA KEBENARAN MERANCANG DI ATAS LOT 1532, BATU 2, JALAN BATU TIGA LAMA, 41300 KLANG, MUKIM KAPAR, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN**

3. **Sehubungan dengan itu,** dimaklumkan bahawa aktiviti di atas tanah tersebut adalah menyalahi Seksyen 19, Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 iaitu menjalankan pemajuan tanpa Kebenaran Merancang. **Maka** dengan ini pihak tuan adalah diminta untuk memberhentikan aktiviti tersebut dan seterusnya memulihkan semula tanah dalam tempoh **3 bulan** daripada tarikh Notis Peringatan ini.

4. **AMBIL PERHATIAN** bahawa, menurut subseksyen 27(6) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, kegagalan mematuhi apa-apa kehendak Notis ini dalam tempoh yang dibenarkan adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada **satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan denda tambahan sehingga lima ribu ringgit bagi tiap-tiap satu hari kegagalan itu diteruskan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu.**

5. Sebarang pertanyaan boleh dirujuk ke Unit Penguatkuasaan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Majlis Perbandaran Klang, di talian 03-33757841 / 03-33757847 / 03-33757856 untuk maklumat lanjut.

Sekian, terima kasih.

***" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"***

Saya yang menurut perintah,

**( YUSRI BIN MUSTAFA )**
Pegawai Perancang Bandar dab Desa,
b.p. Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Klang.

*PP(YM)/TA(Sal/Fairuz)...nurul*

**NOTIS UNTUK MENGEMUKAKAN KEBENARAN MERANCANG BAGI PEMAJUAN INDUSTRI YANG SEDANG/TELAH DIJALANKAN TANPA KEBENARAN MERANCANG DI ATAS LOT 1532, BATU 2, JALAN BATU TIGA LAMA, 41300 KLANG, MUKIM KAPAR, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN**

**SENARAI EDARAN**

| | | |
|---|---|---|
| s.k. : | Pentadbir Tanah,<br>Pejabat Daerah/Tanah Klang,<br>Unit Penguatkuasaan & Teknikal,<br>Jalan Kota,<br>41902 Klang,<br>**SELANGOR DARUL EHSAN**<br>Tel : 03-3371 1963<br>Fax : 03-3373 2762 | Tindakan ke atas pelanggaran syarat tanah (Kanun Tanah Negara) |
| | Pengarah,<br>Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor,<br>Bahagian Penguatkuasaan,<br>Tingkat 12 – 14, Wisma Sunwaymas,<br>Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C,<br>Seksyen 9,<br>40100 Shah Alam,<br>**SELANGOR DARUL EHSAN**<br>Tel : 03-5521 4000<br>Fax : 03-5519 4788 | Tindakan ke atas aktiviti perkilangan yang melibatkan pencemaran |
| | Pengarah,<br>Jabatan Imigresen Negeri Selangor,<br>Bahagian Penguatkuasaan,<br>Tingkat 2, Kompleks PKNS,<br>40550 Shah Alam,<br>**SELANGOR DARUL EHSAN**<br>Tel : 03-5519 0653/ 7593/ 7185/ 7454/ 2123<br>Fax : 03-55190414 | Tindakan ke atas pekerja-pekerja asing |

**NOTIS UNTUK MENGEMUKAKAN KEBENARAN MERANCANG BAGI PEMAJUAN INDUSTRI YANG SEDANG/TELAH DIJALANKAN TANPA KEBENARAN MERANCANG DI ATAS LOT 1532, BATU 2, JALAN BATU TIGA LAMA, 41300 KLANG, MUKIM KAPAR, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN**

**SENARAI EDARAN**

| | | |
|---|---|---|
| s.k. : | Y. Bhg. Dato' Pengarah,<br>Jabatan Kastam Diraja Malaysia,<br>Bahagian Penguatkuasaan,<br>Wisma Kastam Selangor Pulau Indah,<br>No. 1, Jalan Perigi Nenas 7/1 KS11,<br>Taman Perindustrian Pulau Indah,<br>Pelabuhan Barat,<br>42907 Pelabuhan Klang,<br>**SELANGOR DARUL EHSAN**<br>Tel : 03-3169 3888<br>Fax : 03-3101 3121 | Tindakan ke atas aktiviti perkilangan |
| | Pengarah,<br>Lembaga Urus Air Selangor,<br>Tingkat 13,<br>Bangunan Darul Ehsan,<br>No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14,<br>40000 Shah Alam,<br>**SELANGOR DARUL EHSAN**<br>Tel : 03-5511 1800<br>Fax : 03-5510 1800 | Tindakan ke atas aktiviti perkilangan yang melibatkan pencemaran sumber air |
| | Pengarah,<br>Jabatan Perhutanan Negeri Selangor,<br>Tingkat 3, Bangunan Sultan Salahuddin<br>Abdul Aziz Shah,<br>40660 Shah Alam,<br>**SELANGOR DARUL EHSAN**<br>Tel : 03-5544 7507<br>Fax : 03-5511 9961 | Tindakan ke atas aktiviti perkilangan berasaskan kayu |

..... / 5

**NOTIS UNTUK MENGEMUKAKAN KEBENARAN MERANCANG BAGI PEMAJUAN INDUSTRI YANG SEDANG/TELAH DIJALANKAN TANPA KEBENARAN MERANCANG DI ATAS LOT 1532, BATU 2, JALAN BATU TIGA LAMA, 41300 KLANG, MUKIM KAPAR, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN**

**SENARAI EDARAN**

| | | |
|---|---|---|
| s.k. : | Pengurus Kawasan Klang,<br>Tenaga Nasional Berhad,<br>Jalan Meru,<br>Peti Surat 2010,<br>41000 Klang,<br>SELANGOR DARUL EHSAN<br>Tel : 03-3341 2020<br>Fax : 03-3342 2020 | Tindakan ke atas aktiviti perkilangan tanpa kelulusan |
| | Ketua Pengarah Eksekutif,<br>Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN),<br>Ground and 1st Floor,<br>Prima Avenue 7,<br>Blok 3510,<br>Jalan Teknokrat 6,<br>63000 Cyberjaya,<br>SELANGOR DARUL EHSAN<br>Tel : 03-8317 9333 / 9934 / 9335<br>Fax : 03-8317 9336 / 9339 | Tindakan ke atas aktiviti perkilangan tanpa kelulusan |
| | Pengarah,<br>Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) Klang,<br>Jalan Kota,<br>41000 Klang,<br>SELANGOR DARUL EHSAN<br>Tel : 03-3371 0144<br>Fax : 03-3371 0830 | Tindakan ke atas aktiviti perkilangan tanpa kelulusan |

...../ 6

**NOTIS UNTUK MENGEMUKAKAN KEBENARAN MERANCANG BAGI PEMAJUAN INDUSTRI YANG SEDANG/TELAH DIJALANKAN TANPA KEBENARAN MERANCANG DI ATAS LOT 1532, BATU 2, JALAN BATU TIGA LAMA, 41300 KLANG, MUKIM KAPAR, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN**

**SENARAI EDARAN**

| | | |
|---|---|---|
| s.k. : | Pengarah,<br>SSIC Berhad,<br>No. F1-2-G,<br>Jalan Multimedia 7/AG,<br>City Park, i-City,<br>40000 Shah Alam,<br>SELANGOR DARUL EHSAN<br>Tel : 03-5510 2005<br>Fax : 03-5519 6403 | Tindakan ke atas aktiviti perkilangan tanpa kelulusan |

**EDARAN DALAMAN**

| | | |
|---|---|---|
| e.d. : | Pengarah Bangunan, MPK<br><br>Pengarah Penguatkuasa, MPK<br><br>Pengarah Pelesenan & Penjaja, MPK | Untuk tindakan susulan |

KATEGORI B

CONTOH

( ) dlm. MPK/PPB 800-2/8/15

**ENCIK CHAN CHAK MUN**
**ENCIK YAP KHOON FOONG**
NO. 96-T, JALAN CIKU,
DI PERSIARAN RAJA MUDA MUSA,
41100 KLANG,
SELANGOR DARUL EHSAN
*(Pemilik Tanah)*

**ENCIK CHAN CHAK MUN**
**ENCIK YAP KHOON FOONG**
NO. 96-T, JALAN CIKU,
DI PERSIARAN RAJA MUDA MUSA,
41100 KLANG,
SELANGOR DARUL EHSAN
*(Orang Yang Menjalankan Pemajuan)*

# SURAT PERINGATAN

Tuan,

**MEMBERHENTIKAN AKTIVITI DAN OPERASI SERTA MEMULIHKAN TANAH KEPADA KEADAAN ASAL BAGI PEMAJUAN INDUSTRI YANG SEDANG DIJALANKAN TANPA KEBENARAN MERANCANG DI ATAS LOT 1532, BATU 2, JALAN BATU TIGA LAMA, 41300 KLANG, MUKIM KAPAR, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN**

Dengan hormatnya, saya ingin merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan, tanah/premis di atas **Lot 1532, Batu 2, Jalan Batu Tiga Lama, 41300 Klang, Selangor Darul Ehsan** adalah terletak di dalam kawasan Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan, Majlis Perbandaran Klang dan seterusnya tertakluk kepada segala peruntukan undang-undang yang terpakai oleh Majlis. Premis tuan adalah termasuk dalam **Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor,** dalam **Kategori B** (berada luar zon perindustrian) dengan No. Rujukan **MPK / KTK / KU 01 / B / I / 001** di mana bercanggah dengan zon gunatanah Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Klang,

..... /2

**MEMBERHENTIKAN AKTIVITI DAN OPERASI SERTA MEMULIHKAN TANAH KEPADA KEADAAN ASAL BAGI PEMAJUAN INDUSTRI YANG SEDANG DIJALANKAN TANPA KEBENARAN MERANCANG DI ATAS LOT 1532, BATU 2, JALAN BATU TIGA LAMA, 41300 KLANG, MUKIM KAPAR, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN**

3. **Sehubungan dengan itu,** dimaklumkan bahawa aktiviti di atas tanah tersebut adalah menyalahi Seksyen 18 dan Seksyen 19, Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 iaitu menjalankan pemajuan tanpa Kebenaran Merancang. **Maka** dengan ini pihak tuan adalah diminta untuk memberhentikan aktiviti tersebut dan seterusnya memulihkan semula tanah dalam tempoh **3 bulan** daripada tarikh Notis Peringatan ini.

4. **AMBIL PERHATIAN** bahawa, menurut subseksyen 27(6) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, kegagalan mematuhi apa-apa kehendak Notis ini dalam tempoh yang dibenarkan adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada **satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan denda tambahan sehingga lima ribu ringgit bagi tiap-tiap satu hari kegagalan itu diteruskan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu.**

5. Sebarang pertanyaan boleh dirujuk ke Unit Penguatkuasaan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Majlis Perbandaran Klang, di talian 03-33757841 / 03-33757847 / 03-33757856 untuk maklumat lanjut.

Sekian, terima kasih.

***" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"***

Saya yang menurut perintah,

**( YUSRI BIN MUSTAFA )**
Pegawai Perancang Bandar dab Desa,
b.p. Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Klang.

*PP(YM)/TA(Sal/Fairuz)...nurul*

..... / 3

**MEMBERHENTIKAN AKTIVITI DAN OPERASI SERTA MEMULIHKAN TANAH KEPADA KEADAAN ASAL BAGI PEMAJUAN INDUSTRI YANG SEDANG DIJALANKAN TANPA KEBENARAN MERANCANG DI ATAS LOT 1532, BATU 2, JALAN BATU TIGA LAMA, 41300 KLANG, MUKIM KAPAR, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN**

**SENARAI EDARAN**

| | | |
|---|---|---|
| s.k. : | Pentadbir Tanah,<br>Pejabat Daerah/Tanah Klang,<br>Unit Penguatkuasaan & Teknikal,<br>Jalan Kota,<br>41902 Klang,<br>SELANGOR DARUL EHSAN<br>Tel : 03-3371 1963<br>Fax : 03-3373 2762 | Tindakan ke atas pelanggaran syarat tanah (Kanun Tanah Negara) |
| | Pengarah,<br>Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor,<br>Bahagian Penguatkuasaan,<br>Tingkat 12 – 14, Wisma Sunwaymas,<br>Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C,<br>Seksyen 9,<br>40100 Shah Alam,<br>SELANGOR DARUL EHSAN<br>Tel : 03-5521 4000<br>Fax : 03-5519 4788 | Tindakan ke atas aktiviti perkilangan yang melibatkan pencemaran |
| | Pengarah,<br>Jabatan Imigresen Negeri Selangor,<br>Bahagian Penguatkuasaan,<br>Tingkat 2, Kompleks PKNS,<br>40550 Shah Alam,<br>SELANGOR DARUL EHSAN<br>Tel : 03-5519 0653/ 7593/ 7185/ 7454/ 2123<br>Fax : 03-55190414 | Tindakan ke atas pekerja-pekerja asing |

..... / 4

**MEMBERHENTIKAN AKTIVITI DAN OPERASI SERTA MEMULIHKAN TANAH KEPADA KEADAAN ASAL BAGI PEMAJUAN INDUSTRI YANG SEDANG DIJALANKAN TANPA KEBENARAN MERANCANG DI ATAS LOT 1532, BATU 2, JALAN BATU TIGA LAMA, 41300 KLANG, MUKIM KAPAR, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN**

**SENARAI EDARAN**

s.k. :

| | |
|---|---|
| Y. Bhg. Dato' Pengarah,<br>Jabatan Kastam Diraja Malaysia,<br>Bahagian Penguatkuasaan,<br>Wisma Kastam Selangor Pulau Indah,<br>No. 1, Jalan Perigi Nenas 7/1 KS11,<br>Taman Perindustrian Pulau Indah,<br>Pelabuhan Barat,<br>42907 Pelabuhan Klang,<br>SELANGOR DARUL EHSAN<br>Tel : 03-3169 3888<br>Fax : 03-3101 3121 | Tindakan ke atas aktiviti perkilangan |
| Pengarah,<br>Lembaga Urus Air Selangor,<br>Tingkat 13,<br>Bangunan Darul Ehsan,<br>No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14,<br>40000 Shah Alam,<br>SELANGOR DARUL EHSAN<br>Tel : 03-5511 1800<br>Fax : 03-5510 1800 | Tindakan ke atas aktiviti perkilangan yang melibatkan pencemaran sumber air |
| Pengarah,<br>Jabatan Perhutanan Negeri Selangor,<br>Tingkat 3, Bangunan Sultan Salahuddin<br>Abdul Aziz Shah,<br>40660 Shah Alam,<br>SELANGOR DARUL EHSAN<br>Tel : 03-5544 7507<br>Fax : 03-5511 9961 | Tindakan ke atas aktiviti perkilangan berasaskan kayu |

..... / 5

**MEMBERHENTIKAN AKTIVITI DAN OPERASI SERTA MEMULIHKAN TANAH KEPADA KEADAAN ASAL BAGI PEMAJUAN INDUSTRI YANG SEDANG DIJALANKAN TANPA KEBENARAN MERANCANG DI ATAS LOT 1532, BATU 2, JALAN BATU TIGA LAMA, 41300 KLANG, MUKIM KAPAR, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN**

**SENARAI EDARAN**

| | | |
|---|---|---|
| s.k. : | Pengurus Kawasan Klang,<br>Tenaga Nasional Berhad,<br>Jalan Meru,<br>Peti Surat 2010,<br>41000 Klang,<br>**SELANGOR DARUL EHSAN**<br>Tel : 03-3341 2020<br>Fax : 03-3342 2020 | Tindakan ke atas aktiviti perkilangan tanpa kelulusan |
| | Ketua Pengarah Eksekutif,<br>Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN),<br>Ground and 1st Floor,<br>Prima Avenue 7,<br>Blok 3510,<br>Jalan Teknokrat 6,<br>63000 Cyberjaya,<br>**SELANGOR DARUL EHSAN**<br>Tel : 03-8317 9333 / 9934 / 9335<br>Fax : 03-8317 9336 / 9339 | Tindakan ke atas aktiviti perkilangan tanpa kelulusan |
| | Pengarah,<br>Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) Klang,<br>Jalan Kota,<br>41000 Klang,<br>**SELANGOR DARUL EHSAN**<br>Tel : 03-3371 0144<br>Fax : 03-3371 0830 | Tindakan ke atas aktiviti perkilangan tanpa kelulusan |

..... / 6

MPK/PPB 800-2/8/15

**MEMBERHENTIKAN AKTIVITI DAN OPERASI SERTA MEMULIHKAN TANAH KEPADA KEADAAN ASAL BAGI PEMAJUAN INDUSTRI YANG SEDANG DIJALANKAN TANPA KEBENARAN MERANCANG DI ATAS LOT 1532, BATU 2, JALAN BATU TIGA LAMA, 41300 KLANG, MUKIM KAPAR, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN**

**SENARAI EDARAN**

| | | |
|---|---|---|
| s.k. : | Pengarah,<br>SSIC Berhad,<br>No. F1-2-G,<br>Jalan Multimedia 7/AG,<br>City Park, i-City,<br>40000 Shah Alam,<br>SELANGOR DARUL EHSAN<br>Tel : 03-5510 2005<br>Fax : 03-5519 6403 | Tindakan ke atas aktiviti perkilangan tanpa kelulusan |

**EDARAN DALAMAN**

| | | |
|---|---|---|
| e.d. : | Pengarah Bangunan, MPK<br>Pengarah Penguatkuasa, MPK<br>Pengarah Pelesenan & Penjaja, MPK | Untuk tindakan susulan |